

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 13**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status projek lintasan Kereta Api RTS (Rapid Transit System) antara Woodlands Singapura dengan Bukit Cagar, Johor Bahru bagi mengatasi kesesakan di Tambak Johor. Apakah projek RTS itu akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kesesakan di sempadan Malaysia – Singapura di kedua-dua CIQ Johor Bahru dan Linkedua merupakan cabaran yang besar dan rumit. Lebih kurang 300,000 orang merentasi sempadan negara tiap-tiap hari melalui sama ada Tambak Johor atau Linkedua untuk bekerja atau melawati Singapura. Golongan pekerja migran yang berulang alik dari Johor ke Singapura untuk mencari rezeki membawa balik matawang asing dan menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Kerajaan prihatin akan cabaran golongan tersebut yang terpaksa menghadapi kesesakan berjam-jam setiap hari di Tambak Johor dan Linkedua.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) merupakan projek yang dipersetujui untuk dibina bersama dengan Kerajaan Singapura dengan kos keseluruhan sebanyak RM 10 billion di mana RM 4 billion merupakan kos yang ditanggung oleh pihak Malaysia bagi pembinaan sehingga sempadan antarabangsa dan dijangka beroperasi sebelum 31 Disember 2024. Sistem rel sepanjang 4km ini berkapasiti membawa 10 ribu penumpang sehala setiap jam antara Bukit Chagar, Johor Bahru ke Woodlands, Singapura di mana ianya bersaling hubung dengan stesen Mass Rapid Transit Woodlands North, Thomson East Coast Line. Perjanjian dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Singapura berkenaan pelaksanaan projek RTS ditandatangani pada 16 Januari 2018 di bawah pentadbiran kerajaan yang terdahulu.
3. Selepas PRU ke-14, pelaksanaan beberapa projek mega infrastruktur seperti *KL-Singapore High Speed Rail* dan *MRT Circle Line* dikaji semula atau ditangguhkan mengambil kira kedudukan kewangan kerajaan semasa. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap komited dalam meneruskan projek RTS Link seperti mana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 30 Mei 2018 dengan syarat penjimatan kos keseluruhan projek.

## **NO. SOALAN: 13**

4. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang berusaha untuk mencari pendekatan yang paling kos efektif bagi memastikan projek RTS Link dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
5. Kerajaan masih dalam proses perbincangan dan menilai pandangan-pandangan daripada beberapa kementerian termasuk Kementerian Pengangkutan berkaitan model kewangan yang sesuai dan penentuan entiti yang akan terlibat dalam pelaksanaan projek ini selaku syarikat InfraCo, termasuk juga entiti yang berperanan mewakili Malaysia sebagai pemegang syarikat usaha sama JV OpCo.
6. Kerajaan Malaysia juga akan memantau dan memastikan tambang yang dikenakan oleh JV OpCo adalah berpatutan mengikut kebolehupayaan bayar pengguna walaupun kadar tambang mengikut Perjanjian Dua Hala RTS Link boleh ditetapkan oleh JV OpCo, terutamanya bagi waktu puncak pagi (*am peak*) di mana permintaan boleh melebihi kapasiti perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.